

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK JOSEPH SALANG GANDUM [JULAU]
TARIKH : 27.3.2018 (SELASA)
SOALAN :

Datuk Joseph Salang Gandum [Julau] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan sekolah-sekolah usang di kawasan Parlimen P.209 Julau yang bakal diperbaiki.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2018, sebanyak 117 buah sekolah di Sarawak yang telah dikenal pasti untuk pembaikan sekolah daif yang melibatkan agensi pelaksana Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Sebanyak 51 buah sekolah telah diserahkan kepada JKR Sarawak untuk pelaksanaan pembaikan sekolah daif manakala 66 buah sekolah akan dilaksanakan oleh KPM.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, enam (6) buah sekolah daif di Parlimen Julau yang telah dikenal pasti untuk dilaksanakan pembaikan. Sekolah daif yang akan dilaksanakan oleh KPM ialah SK Nanga Pakan, SK Nanga Entabai, SK Nanga Engkamop dan SK Nanga Wak. Surat Setuju Terima (SST) telah ditandatangani pada 30 Januari 2018 dan projek dijangka siap pada 27 Mei 2018.

Manakala dua buah sekolah lagi iaitu SK Sungei-Sungei dan SK Assun akan dilaksanakan oleh JKR dan SST telah dikeluarkan pada 28 Februari 2018.

RJM73

**SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM
PARLIMEN KETIGA BELAS (2018)**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB TUAN SIM CHEE KEONG**
[BUKIT MERTA JAM]
TARIKH : **27 MAC 2018 [SELASA]**
SOALAN : **20**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan status Program Satelit Negara, dan berapakah kos yang telah dibelanjakan setakat ini untuk Program RazakSat-1 dan RazakSat-2.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah memulakan pembangunan satelit dengan program satelit mikro negara TiungSAT-1 pada tahun 1995. Ia merupakan program pemindahan teknologi antara Surrey Satellite Technology Limited (SSTL), United Kingdom dengan kerajaan Malaysia bagi membangunkan kapasiti modal insan dan tenaga pakar tempatan negara dalam pembangunan satelit mikro. TiungSAT-1 telah dilancarkan pada 26 September 2000 bagi menjalankan misi pencerapan bumi untuk aplikasi kaji cuaca dan alam sekitar, ujikaji saintifik Cosmic-Ray Energy Disposition Experiment (CEDEX) dan juga aplikasi komunikasi dalam *digital store and forward*.

Berikutan kejayaan program TiungSAT-1, pembangunan satelit kedua yang dinamakan RazakSAT® telah dimulakan bagi meneruskan penglibatan negara dalam pembangunan satelit nasional. Satelit RazakSAT® dibangunkan oleh syarikat tempatan, Astronautic Technology (M) Sdn Bhd bersama syarikat SATRECI Co Ltd, Korea Selatan. Pembangunan RazakSAT® adalah bersifat R&D dan telah berjaya dilancarkan pada 14 Julai 2009 bagi menjalankan misi pencerapan bumi beresolusi tinggi 2.5 meter.

Pada masa ini, kedua-dua satelit tersebut telah tamat tempoh hayat pengoperasiannya.

Kesinambungan pembangunan satelit negara diteruskan dengan projek pembangunan satelit penderiaan jauh ketiga negara yang dinamakan RazakSAT-2 dengan kapasiti pengimejan beresolusi tinggi iaitu 1 meter. Proses perolehan bagi projek tersebut sedang berjalan dan akan dimuktamadkan dalam jangka masa terdekat. Imej satelit RazakSAT-2 nanti akan digunakan untuk pelbagai aplikasi termasuk perancangan pembangunan infrastruktur, perancangan bandar, pemantauan kegunaan tanah, pertanian, perhutanan, pemantauan bencana serta boleh dikomersialkan kepada pengguna luar.

Pembangunan satelit negara akan diperluas untuk merangkumi pembangunan teknologi dan aplikasi satelit navigasi, penderiaan jauh dan pelancar. Projek pembangunan satelit komunikasi negara juga dalam proses perancangan yang bertujuan untuk meningkatkan keupayaan negara dalam bidang komunikasi yang strategik. Selain dari teknologi, projek-projek ini akan memberi penekanan kepada pengupayaan kapasiti dan pembangunan industri.

Tuan Yang di-Pertua,

Program RazakSAT® telah melibatkan peruntukan sebanyak RM144.05 juta. Bagi program RazakSAT®, kos-kos yang telah dibelanjakan adalah untuk aktiviti pembangunan satelit, pengujian, pengoperasian, pelancaran, insurans dan pembangunan modal insan.

Siling peruntukan yang diluluskan bagi Program Pembangunan Satelit RazakSAT-2 pula adalah sebanyak RM271.90 juta. Ia merangkumi skop fasa kajian, pembangunan, pengujian, pelancaran dan insurans satelit, pembinaan dan naik taraf stesen bumi, pembangunan modal insan, bayaran logistik dan ikhtisas Lembaga Semakan Bebas (*Independent Review Board, IRB*) serta bayaran perkhidmatan Program Kolaborasi Industri. Walau bagaimanapun, peruntukan yang dinyatakan untuk Razaksat-2 adalah berdasarkan kepada harga pada tahun 2010.

Ketika ini, keperluan peruntukan untuk Program Pembangunan Satelit RazakSAT-2 sedang dikaji semula dengan mengambil kira kadar inflasi dan tukaran wang asing yang melangkaui 20% sejak 2010.

Sehingga Februari 2018, jumlah perbelanjaan terkini bagi Program Pembangunan Satelit RazakSAT-2 adalah sebanyak RM26.95 juta. Perbelanjaan tersebut adalah termasuk fasa kajian, perolehan naik taraf stesen bumi, sebahagian aktiviti pembangunan modal insan dan sebahagian bayaran perkhidmatan Program Kolaborasi Industri.

Sekian, terima kasih.